



Fatehah

Mun Yee

Shalin

Info

Fatehah Mustapa

(28 tahun)
 → 4 emas
 → Pecut berpasukan, pecut individu, 500m ujian masa dan keirin
 → Emas ke-7 dalam dua temasya: Palembang 2011 dan Kuala Lumpur 2017

Koi Sie Yan (18 tahun)

→ 4 emas
 → Gelung, riben, berpasukan, all-around individu
 → Emas kelima dalam dua temasya: Palembang 2011 dan Kuala Lumpur 2017

Shalin Zulkifli

(39 tahun)
 → 3 emas
 → Trio, berpasukan dan Masters
 → Emas ke-20 peribadi sejak penampilan pertama di Singapura 1993

Leong Mun Yee

(32 tahun)
 → 2 emas
 → 10m platform seirama wanita, 10m platform seirama campuran
 → Emas ke-16 peribadi sejak penampilan pertama di Jakarta 1997

Kuasa wanita sumbang kejayaan negara

BERITA HARIAN
 3/9/2017 p.49

Di sebalik kejayaan negara muncul juara keseluruhan pada Sukan SEA kali ini, atlet wanita negara juga mencipta nama tersendiri dengan menjadi penyumbang utama kepada kejayaan negara.

Paling menyerlah pastilah kepada kejayaan empat pingat emas yang diperoleh pelumba trek negara, Fatehah Mustapa dalam acara pecut individu dan berpasukan, keirin dan 500 meter ujian masa.

Selepas tidak begitu menyerlah pada Sukan Olimpik 2016 Rio, Fatehah bangkit memastikan kehebatannya untuk mengesahkan kehebatannya di Asia Tenggara.

“Sebelum ini saya agak kecewa dengan persembahan pada Olimpik, namun kejayaan di Sukan SEA kali ini menjadi pembakar semangat untuk saya terus berusaha keras dan menjadi titik tolak kepada kebangki-

tan saya untuk beraksi lebih cemerlang,” kata pelumba berasal dari Terengganu itu.

Penyertaan atlet berpengalaman

Biarpun beraksi dalam sukan subjektif, kejayaan gimnas negara, Koi Sie Yan memenangi empat pingat emas gimrama acara gelung, riben, berpasukan serta all-around individu tidak boleh diketepikan begitu sahaja.

Penyertaan atlet berpengalaman luas, Shalin Zulkifli ternyata berbaloi apabila dia berjaya mengumpul pingat emas ke-20 peribadinya pada kali ini.

Penerjun negara, Leong Mun Yee yang tampil pada Sukan SEA kesembilannya turut menambah dua emas peribadinya pada kali ini sekaligus menjadikan keseluruhan 16 emas.